

BAB 5

Melestarikan Arah Tuju Pelajar Lulusan Tingkatan 5 ke Pengajian Tinggi untuk Pasaran Buruh Mahir

*Kuppusamy Singaravelloo, Nurul Huda Mohd Satar, Halimah Awang, Yong Zulina
Zubairi, Goh Kim Leng, Rohana Jani, Yew Siew Yong*

1.0 PENGENALAN

Pendidikan merupakan asas kepada pembentukan minda seseorang supaya menjadi berdaya saing. Ini juga menjadi ukuran yang penting untuk menjejaki ke alam pekerjaan dan dilihat sebagai salah satu cara untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Justeru tidak hairan apabila pendidikan dianggap sebagai satu pelaburan dalam sumber manusia yang penting dalam kalangan ibu bapa sehingga ada yang sanggup membelanjakan wang yang banyak untuk memastikan anak mereka memperoleh pendidikan tinggi. Dalam konteks pembangunan sumber manusia, pendidikan tinggi memainkan peranan yang begitu penting dalam menyediakan sumber manusia terdidik yang diperlukan negara di samping memberi peluang kepada semua golongan masyarakat mencarta kejayaan dalam hidup mereka. Dalam konteks ini juga dapat dilihat bahawa pelaburan dalam pendidikan menjadi salah satu sumber utama dalam bajet kerajaan persekutuan setiap tahun.

Mengikut Teori Modal Insan (*Human Capital Theory*), kadar pulangan daripada pendidikan biasanya diukur sebagai satu fungsi pendapatan individu selepas menamatkan pengajian. Bedi dan Gaston (1999) serta Psacharopoulos (1994; 1995) mendapati bahawa kadar pulangan bagi satu tahun tambahan dalam pendidikan seseorang adalah antara 5 peratus di negara maju dan sehingga 29 peratus di negara sedang membangun. Mengikut negara, kadar berkenaan adalah 8.5 peratus di Ghana, 17 peratus di Honduras, 12 peratus masing-masing di Botswana dan Amerika Syarikat dan di Malaysia, pulangannya adalah 9.6 peratus (Goh & Rohana, 2009). Seajar dengan itu, bukan sahaja pendidikan yang menjadi tumpuan negara, tetapi kualiti keluaran pelajar daripada institusi pengajian dan juga peningkatan tahap kemahiran yang dimiliki seseorang merupakan aset bagi memenuhi keperluan sektor pekerjaan atau keusahawanan.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT, 2009) melalui *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020 (PSPTN)*, mensasarkan 40 peratus kohort penduduk berumur 17-23 tahun dapat memasuki pendidikan tertiar dan 27 peratus daripada tenaga kerja dalam kumpulan umur bekerja mempunyai pendidikan tertiar pada tahun 2010. Menjelang tahun 2020, kedua-dua angka ini disasarkan kepada 50 peratus dan 33 peratus masing-masing.